

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan													
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan										
D	<u>SYARAT-SYARAT KHUSUS</u> JALAN														
1.	Bagi jalan yang terletak di tepi tembok, dan kawasan pemotongan yang tinggi sediakan pagar pengadang, butir-butir mengenainya perlulah dikemukakan.														
2.	Jalan susur selebar 12.192m hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 7.315m lebar laluan dua hala tidak termasuk petak meletak kereta, parit dan lain-lain struktur														
3.	Tempat meletak kereta tersebut hendaklah mempunyai tebing parit yang ditinggikan dari permukaan jalan. Ketinggian tebing tidak kurang dari 150mm.														
4.	Sila nyatakan nama Jalan berlulus/huruf atau angka bagi memudahkan jalan-jalan yang dicadangkan dikenalpasti														
5.	Sila kemukakan pelan butiran lengkap petak letak kereta mengikut saiz yang di cadangkan <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td>(i) Parallel parking</td> <td>(6.00m x 2.500m)</td> </tr> <tr> <td>(ii) 30^o parking</td> <td>(5.500m x 2.500m)</td> </tr> <tr> <td>(iii) 45^o parking</td> <td>(5.500m x 2.500m)</td> </tr> <tr> <td>(iv) 60^o parking</td> <td>(5.500m x 2.500m)</td> </tr> <tr> <td>(v) 90^o parking</td> <td>(5.500m x 2.500m)</td> </tr> </table> Setiap ukuran hendaklah ditunjukkan dengan lengkap dan jelas di atas pelan tidak termasuk struktur parit yang lain	(i) Parallel parking	(6.00m x 2.500m)	(ii) 30 ^o parking	(5.500m x 2.500m)	(iii) 45 ^o parking	(5.500m x 2.500m)	(iv) 60 ^o parking	(5.500m x 2.500m)	(v) 90 ^o parking	(5.500m x 2.500m)				
(i) Parallel parking	(6.00m x 2.500m)														
(ii) 30 ^o parking	(5.500m x 2.500m)														
(iii) 45 ^o parking	(5.500m x 2.500m)														
(iv) 60 ^o parking	(5.500m x 2.500m)														
(v) 90 ^o parking	(5.500m x 2.500m)														
6.	Rekabentuk tempat meletak kereta tersebut perlulah mengikut rekabentuk jalan biasa iaitu : a) 225mm tebal lapisan bawah jalan dengan batu-bata berukuran 50mm b) 65.0mm tebal lapisan 'asphaltic concrete binder course" (ACW 28) c) 40mmtebal lapisan "asphaltic concrete wearing course" (ACW 14)														

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan
7.	Menyediakan bonggol jalan di jalan utama ditempat yang bersesuaian mengikut rekabentuk dan spesifikasi Majlis				
8.	Untuk mengelak kesesakan lalulintas di atas jalan utama/servis cadangkan satu pintu masuk/ keluar sahaja				
9.	Sediakan susur jalan (kerb) mengikut rekabentuk dan spesifikasi JKR				
10.	Semua butir-butir yang ditunjukkan di atas pelan cadangan tapak dengan keratan memanjang / melintang perlulah diseragamkan				
11.	Sila cadangkan tembok penahan selari dengan lot dan diselaraskan dengan pelan kerja tanah				
12.	Jurutera Perunding hendaklah mengkaji untuk mengadakan cadangan parit pemintas (cattle trap)di jalan untuk mengelak air larian bertakung diatas jalan				
13.	Sila sediakan 'Guardrail' dipenghujung jalan Cul-de-sac				
14.	Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan cadangan lampu isyarat kepada Unit Lalulintas Jabatan Kejuruteraan untuk pertimbangan dan kelulusan				

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan
	<u>PEMARITAN</u>				
15.	Semua parit-parit cadangan dan parit utama ditempat yang bersesuaian bersertakan arah aliran, kecerunan dan saiz				
16.	Kemukakan paras-paras tanah yang sediada di sekeliling kawasan lot berkenaan dengan yang dicadangkan. Jika terdapat perbezaan paras cadangan dengan paras sediada, parit perlu dibina untuk mengalirkan air dari kawasan tersebut yang mungkin terganggu akibat dari kemajuan yang dicadangkan. Kemukakan pelan keratan panjang bagi tiap-tiap parit yang di cadangkan, kecuraman, paras tapak yang dicadangkan dan paras permukaan jalan yang dicadangkan/sediada				
17.	Perunding dikehendaki menyediakan parit konkrit di sekeliling cadangan pembangunan/semipadan lot supaya air tidak dapat mengalir ke lot bersebelahan.				
18.	Kemukakan beberapa keratan rentas dari lot cadangan ke lot-lot bersebelahan dengan jelas.				
19.	Butir-butir kawalan pengaliran air keluar masuk ke kolam tadahan hendaklah ditunjukkan dengan jelas dalam pelan				
20.	Sediakan perangkap minyak/sampah/ kelodak c/w trash screen lengkap dengan 'concrete perforated trough' dipenghujung parit sebelum menyalur ke parit buangan utama. Sekiranya dipasang dalam air tawar ianya perlu di buat dari besi keluli tahan keluli lembut bersadur zinc kelas C. Jika digunakan dalam air masin ianya perlu dipebuat dari besi keluli tahan karat. Besi tersebut perlu di pasang dalam jarak sekurang-kurangnya 50mm c/c. Sila kemukan butir-butir lengkap.				

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan
21.	Pemohon dikehendaki membina bahagian parit di bawah pelan induk pamaritan yang berhadapan dengan lotnya, yang mengalir menyeberangi lotnya dengan mengikut butir-butir pelan rekabentuk MPSP. Rekabentuk parit perlu ditukar kepada jenis konkrit bertetulang.				
22.	Kedudukan aliran parit tepi jalan berhadapan jalan perlulah diletakkan di tepi rezab pelebaran jalan agar tidak mengganggu kerja-kerja pelebaran pada masa hadapan. Garisan pelebaran tersebut hendaklah ditunjukkan di atas pelan				
23.	Untuk kawasan yang rata, Jurutera Perunding hendaklah memastikan panjang parit sebenar bagi keseluruhan parit di tepi jalan hingga ke tempat buangan yang terdekat berserta paras-paras parit yang dicadangkan supaya air buangan dari kawasan di sebelah bahagian atas lot-lot berkenaan dapat mengalir dengan baik melalui parit-parit yang dicadangkan hadapan lot-lot tersebut. Untuk ini adalah dicadangkan agar kecuraman parit-parit yang dicadangkan itu boleh mempunyai kecuraman yang bersesuaian seperti 1:600, 1:800, 1:1000 dan di selaraskan dengan kelajuan air yang dibenarkan berpandukan Formula " Manning" iaitu tidak kurang dari 600mm/saat bagi parit tanah/konkrit dan tidak melebihi 900mm/saat bagi parit tanah.				
24.	Bagi kawasan berbukit kecuraman parit-parit konkrit yang di cadangkan perlulah tidak melebihi 1:80 untuk mengelakkan dari hakisan. Jika melebihi dari itu, parit jenis kasked atau parit bertangga boleh di sesuaikan dengannya Untuk mendapatkan kecuraman yang dibenarkan, perkiraan untuk mendapat kecuraman parit-parit yang dicadangkan, perlu dibuat berdasarkan Formula "Manning" dengan kelajuan aliran air tidak melebihi 10 kaki/saat				

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Se Ja
25.	Semua parit-parit yang dicadangkan serta parasnya perlulah direkabentuk agar ianya dapat / boleh disambungkan dengan parit yang akan dibina kemudiannya. Dengan ini, paras-paras tanah/parit di kawasan sekeliling perlulah diambil kira dalam penyediaan rekabentuk kepada parit-parit yang dicadangkan. Parit-parit di tepi jalan berhadapan dengan lot berkenaan dibina dengan konkrit dan disesuaikan dengan rekabentuk seperti berikut:- Lebar : Paras : Kecerunan Parit:				
26.	Paras tebing parit yang sediaada perlulah ditinggikan ke paras Permukaan tanah yang ditambun				
27.	Pemohon dikehendaki mengadakan tembok penahan jenis konkrit bertetulang serta perimeter drain selebar 300mm di tepi sempadan lot				
28.	Sila kemukakan butiran terperinci tapak tahanan/tahanan air, saiz paip keluar dan juga kiraan hidraulik bagi kolam tahanan air. Aras dasar kolam hendaklah lebih tinggi dari parit buangan				
29.	Sila perakui diatas pelan 'kolam tahanan air akan diselenggarakan pihak pemaju atau diserahkan kepada Kerajaan Negeri				
30.	Pemohon hendaklah mencadangkan lubang terbuka (gaps) pada tebing parit dengan jarak 3m tiap-tiap satu untuk pengaliran air larian di atas permukaan jalan				

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Se Ja
31.	Penyaluran terus air larian (run-off-water) daripada tapak cadangan ke dalam parit konkrit ditepi jalan tidak dibenarkan. Air larian hendaklah masuk ke dalam parit perimeter sebelum disalurkan ke parit outfall/parit tepi jalan.				
32.	Pembentung masuk mestilah disediakan di tapak surau, depo sampah, tapak penjaja, kawasan tanah lapang dan dewan orang ramai.				
33.	Air buangan dari loji Penapisan najis sebolehnya tidak dialirkan ke parit berhadapan/berhampiran rumah/dewan orang ramai/surau.				
	<u>PEMBENTUNG</u>				
34.	Paras dalam bagi pembentung yang dicadangkan patutlah sama dengan paras parit. Sila tunjukkan dengan jelas diatas keratan memanjang peti pembentung bagi rezab jalan 12.129m dan lorong belakang.				
35.	Sediakan ruang buka berukuran 600mm X 600mm berserta penutup berensel dari 25mm tebal kepingan besi keluli lengkap dengan beberapa lubang di tengah-tengah pembentung yang merentangi jalan 12.192m dan lebih untuk memudahkan kerja-kerja pembersihan, butir-butir mengenainya perlulah ditunjukkan dalam pelan.				

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding
	LAIN-LAIN PERKARA				

DI SEMAK OLEH :

.....